



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 03 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BI L	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>Hanya Tinggal 107 Mangsa Terjejas Banjir Di Kedah</b>  <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1140118/hanya-tinggal-107-mangsa-terjejas-banjir-di-kedah#google_vignette">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1140118/hanya-tinggal-107-mangsa-terjejas-banjir-di-kedah#google_vignette</a>  <a href="https://www.malaysiakini.com/news/721203#google_vignette">https://www.malaysiakini.com/news/721203#google_vignette</a>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/688817/edisi/utara/banjir-di-kedah-makin-pulih">https://www.sinarharian.com.my/article/688817/edisi/utara/banjir-di-kedah-makin-pulih</a>  <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1139942/banjir-633-mangsa-masih-di-pps-di-kedah">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1139942/banjir-633-mangsa-masih-di-pps-di-kedah</a>  <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/10/02/banjir-kedah-jumlah-mangsa-berkurangan-kepada-574-orang/#google_vignette">https://www.kosmo.com.my/2024/10/02/banjir-kedah-jumlah-mangsa-berkurangan-kepada-574-orang/#google_vignette</a>	Harian Metro  Malaysia Kini  Sinar Harian  Harian Metro  Kosmo	Neutral
2.	<b>Usia Lima Tahun Anak Masih Merangkak</b>  <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/10/02/usia-lima-tahun-anak-masih-merangkak/">https://www.kosmo.com.my/2024/10/02/usia-lima-tahun-anak-masih-merangkak/</a>	Kosmo	Neutral
3.	<b>Wanita Selamat, Kereta Dihempap Pokok Tumbang</b>  <a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1305855/wanita-selamat-kereta-dihempap-pokok-tumbang">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1305855/wanita-selamat-kereta-dihempap-pokok-tumbang</a>  <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1140190/wanita-selamat-pokok-hempap-kereta">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1140190/wanita-selamat-pokok-hempap-kereta</a>	Berita Harian  Harian Metro	Neutral

	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/10/02/wanita-selamat-daripada-dihempap-pokok-di-taman-megah/">https://malaysiagazette.com/2024/10/02/wanita-selamat-daripada-dihempap-pokok-di-taman-megah/</a>	Malaysia Gazette	
4.	<b>Pesara Guru Wanita Rugi RM218,900 Ditipu 'Phone Scam'</b> <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/pesara-guru-wanita-rugi-rm218900-ditipu-phone-scam/#google_vignette">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/pesara-guru-wanita-rugi-rm218900-ditipu-phone-scam/#google_vignette</a>	Utusan	Neutral
5.	<b>Suhakam Anjur Forum Bincang Hak, Isu Warga Emas</b> <a href="https://malaysiagazette.com/2024/10/02/suhakam-anjur-forum-bincang-hak-isu-warga-emas/">https://malaysiagazette.com/2024/10/02/suhakam-anjur-forum-bincang-hak-isu-warga-emas/</a>	Malaysia Gazette	Neutral
6.	<b>Pembelajaran Sepanjang Hayat Beri Ruang Warga Emas Teroka Perkara Baharu</b> <a href="https://malaysiagazette.com/2024/10/02/pembelajaran-sepanjang-hayat-beri-ruang-warga-emas-teroka-perkara-baharu/">https://malaysiagazette.com/2024/10/02/pembelajaran-sepanjang-hayat-beri-ruang-warga-emas-teroka-perkara-baharu/</a>	Malaysia Gazette	Neutral
7.	<b>Pusat Penjagaan Warga Emas Bakal Dibuka Di Telupid</b> <a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/02/pusat-penjagaan-warga-emas-bakal-dibuka-di-telupid">https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/02/pusat-penjagaan-warga-emas-bakal-dibuka-di-telupid</a>	Utusan Borneo	Neutral
8.	<b>Orang Tua Mudah Kena Tipu</b> <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/10/02/tingkatkan-kempen-elak-orang-tua-ditipu/#google_vignette">https://www.kosmo.com.my/2024/10/02/tingkatkan-kempen-elak-orang-tua-ditipu/#google_vignette</a>	Kosmo	Neutral
9.	<b>Simpanan, Ganjaran Hingga RM300,000, Sindiket 'Phone Scam' Buru Pesara Guru</b> <a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/03/simpanan-ganjaran-hingga-rm300000-sindiket-phone-scam-buru-pesara-guru/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/03/simpanan-ganjaran-hingga-rm300000-sindiket-phone-scam-buru-pesara-guru/</a>	FMT	Neutral

MALAYSIA  
MADANI

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

## HANYA TINGGAL 107 MANGSA TERJEJAS BANJIR DI KEDAH



Alor Setar: Keadaan banjir di Kedah semakin pulih apabila hanya dua pusat pemindahan sementara (PPS) di daerah Kota Setar beroperasi ketika ini.

Berdasarkan Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melaporkan, sembilan PPS di tiga daerah iaitu Baling, Pokok Sena dan Kota Setar sudah ditutup sepenuhnya hari ini.

PPS di daerah Kota Setar mencatatkan bilangan mangsa seramai 107 mangsa daripada 31 keluarga.

Ini berikutan kebanyakan mangsa dibenarkan pulang ke rumah selepas air surut sepenuhnya hari ini.

Sementara itu, laman Public Infobanjir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaporkan dua sungai di Kota Setar melebihi paras bahaya.

Antara sungai terbabit adalah Sungai Anak Bukit di Jambatan TAR dan Sungai Kedah di Jambatan Lebuh raya.

## USIA LIMA TAHUN ANAK MASIH MERANGKAK

KUCHING – Walaupun berusia lima tahun, Nur Jannah Rahmat tidak ubah seperti seorang bayi selepas menderita sindrom Kelewatan Perkembangan Global (GDD).

Akibatnya, kanak-kanak tersebut menjadi kurang upaya sehingga tidak dapat bertutur dan berjalan. Nur Jannah bergerak dengan cara merangkak.

Menurut ibunya, Siti Nurima Abdul Karim, 30, anak bongsu daripada empat adik beradik itu didiagnosis dengan sindrom GDD ketika berusia setahun.

“Anak saya mengalami masalah pembelajaran menyebabkan dia tidak dapat mempelajari kemahiran asas seperti makan, bahasa dan memahami keadaan di persekitarannya. Dia hanya akan menangis sekiranya lapar,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Semariang Bentara, di sini baru-baru ini.

Menurut suri rumah itu, sepanjang membesar, anaknya makan makanan dalam kuantiti yang sedikit. Nur Jannah lebih suka meminum susu menyebabkan keadaan fizikalnya kecil jika dibandingkan dengan rakan-rakannya yang lain pada usia lima tahun.

Disebabkan keadaannya itu, Nur Jannah akan menjalani pemeriksaan imbasan X pada tahun hadapan bagi melihat perkembangan tulangnya.

Namun, Siti Nurima dan suaminya, Rahmat Sidek, 37, berdepan masalah kewangan termasuk membeli barangan keperluan untuk anak mereka seperti susu formula.

Rahmat bekerja sebagai buruh kampung dengan pendapatan sekitar RM800 sebulan. Mereka tinggal di rumah sewa dan dua daripada anak pasangan tersebut masih bersekolah.

“Jika tiada kerja, suami akan mengutip sayur liar untuk dijual. Ada beberapa kali suami tidak dapat membelikan susu formula, jika terdesak saya terpaksa menebalkan muka meminjam wang daripada adik-beradik,” katanya.

Nasib Nur Jannah mendapat perhatian Persatuan Kebajikan Harapan Kuching (PKHK) yang tampil menghulurkan bantuan susu formula dan lampin. Orang ramai yang ingin membantu Nur Jannah boleh menghubungi PKHK di talian 082-505 987 atau 013-567 2775.

## **WANITA SELAMAT, KERETA DIHEMPAP POKOK TUMBANG**



KUALA LUMPUR: Seorang wanita terselamat selepas keretanya dihempap pokok tumbang berdekatan stesen transit aliran ringan (LRT) Taman Megah, Petaling Jaya, hari ini.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Wan Md Razali Wan Ismail, berkata pihaknya menerima panggilan pada jam 7.39 malam.



Beliau berkata, lapan anggota bersama jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Damansara dikejarkan ke lokasi kejadian.

"Komander Operasi melaporkan sebatang pokok tumbang dan menghempap sebuah kereta jenis Perodua Axia.

"Terdapat seorang mangsa perempuan berumur 33 tahun di dalam kereta terbabit.

"Mangsa berjaya dikeluarkan dalam keadaan selamat, seterusnya diserahkan kepada keluarganya," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, JBPM Selangor turut melaporkan satu lagi insiden pokok tumbang petang tadi, membabitkan jalan menghala ke Sungai Pusu.

Wan Md Razali berkata, aduan mengenai kejadian itu diterimajam 6.10 petang tadi.

Bagaimanapun, kejadian itu tidak menyebabkan kecelakaan kepada pengguna jalan raya di kawasan itu.

"Terdapat sebatang pokok tumbang dan menghalang jalan. Namun ia tidak membabitkan mangsa dan struktur," katanya.

Beliau turut memberitahu, seramai enam anggota JBP Selayang dikerahkan ke lokasi itu, dantibasekitar 6.42 petang.

Petugas JBP kemudian bertindak pantas mengalihkan pokok yang menghalang sebahagian laluan jalan terbabit.

## **SUHAKAM ANJUR FORUM BINCANG HAK, ISU WARGA EMAS**

KUALA LUMPUR – Penganjuran Forum Hak Warga Emas kepada Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan boleh dijadikan platform untuk memahami isu yang melanda golongan itu.

Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam), Datuk Seri Mohd Hishamudin Md. Yunus berkata, mendalami isu berkaitan warga emas penting untuk mencari penyelesaian yang boleh meningkatkan kualiti hidup golongan tersebut di Malaysia.

"Forum ini mencerminkan komitmen yang tinggi dalam usaha memperjuangkan hak warga emas di negara kita.

"Topik yang dipilih juga adalah relevan kerana negara kita kini berdepan dengan populasi warga emas yang semakin meningkat.

“Warga emas bukan sahaja membawa pengalaman hidup yang kaya tetapi mereka merupakan golongan yang memerlukan perlindungan dan penghargaan yang sewajarnya,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian forum itu, di sini, hari ini.

Menurut Hishanudin, warga emas tidak sepatutnya didiskriminasikan dalam sebarang bentuk dan hak-hak asasi mereka dinafikan.

Malah tambah beliau, pemerksaan warga emas harus menjadi keutamaan semua pihak demi kelestarian masa depan.

Katanya, berikutan itu Suhakam akan terus komited untuk memastikan suara warga emas didengari dan hak mereka dijamin. – MalaysiaGazette

### **SIMPANAN, GANJARAN HINGGA RM300,000, SINDIKET ‘PHONE SCAM’ BURU PESARA GURU**

**PETALING JAYA:** Simpanan atau ganjaran pencen yang boleh mencecah hingga RM300,000 menjadikan pesara guru antara sasaran utama sindiket penipuan melalui panggilan telefon atau phone scam, kata kesatuan pesara pegawai pendidikan.

Merujuk kes terbaru membabitkan bekas guru wanita di Terengganu yang rugi RM201,900, Timbalan Presiden Persatuan Pesara Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia Jemale Paiman berkata individu terbabit mungkin sudah bertugas sekitar 30 tahun untuk mempunyai simpanan sedemikian.

“Biasanya penjawat awam berkhidmat 30 tahun ke atas dengan gaji akhir RM5,000 akan dapat ganjaran, (bayaran) tidak kurang RM200,000 hingga RM300,000.

Sebab itu kena lebih berhati-hati terutama bila dapat panggilan dari nombor tidak dikenali...mungkin sindiket mahu jadikan mereka sasaran,

katanya kepada FMT.

Dalam kes itu, polis berkata kejadian bermula 31 Ogos lalu apabila mangsa menerima panggilan daripada individu mendakwa sebagai kakitangan Ampang Medical Centre yang memberitahunya tuntutan insurans sebanyak RM68,800, namun dinafikan mangsa.

Pada 24 Sept lalu, suspek kembali menghubungi mangsa dan mengarahkannya membuka akaun di sebuah bank dengan deposit awal sebanyak RM5,000, konon untuk tujuan pemantauan oleh Bank Negara (BNM).

Mangsa turut memindahkan sejumlah RM201,900 ke akaun baharu itu dan semakan mendapati, baki di dalamnya hanya tinggal RM100, dan sebanyak 20 transaksi dilakukan dari akaun berkenaan ke akaun bank tidak dikenali.

Pakar teknologi maklumat (IT), Muhidin Arifin, berkata sindiket biasanya mengambil kesempatan terhadap warga emas termasuk pesara yang tidak cekap mengendalikan peranti dan komunikasi sehingga terperangkap dengan mengikut 'arahan' sindiket.

Sehubungan itu, Muhidin mencadangkan pesara menganggap setiap 'panggilan tidak dikenali' sebagai 'penipuan', selain tidak memberi butiran sensitif tanpa mengesahkan identiti pemanggil melalui sumber dipercayai.

"Kemas kini maklumat hubungan dengan keluarga terdekat supaya hanya jawab panggilan dari orang dikenali sahaja.

Jadi boleh kurangkan risiko jadi mangsa 'penyangak' siber dan melindungi simpanan hasil titik peluh mereka,

katanya yang juga ketua pegawai operasi Selangor Technical Skills Development Centre (STDC).